



اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Tel: 05-4596204 Fax: 05-4595488

(F)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : UPSI/PEND/220/3.1( 21 )

Tarikh : 7 November 2000  
10 Syaaban 1421H

### PEKELILING PENTADBIRAN BIL 9 TAHUN 2000

Dekan-dekan Fakulti,  
Penyelaras-penyelaras Program dan  
Ketua-ketua Bahagian/Unit

Tuan/Puan,

#### **PENGANJURAN AKTIVITI DAN MAJLIS DALAM KAMPUS**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan sejak akhir-akhir ini bilangan aktiviti dan majlis-majlis yang diadakan dalam kampus semakin bertambah. Oleh sebab aktiviti atau majlis berkenaan dianjurkan oleh banyak pihak dalam Universiti, ada kalanya menimbulkan masalah kepada pihak-pihak /bahagian-bahagian lain kerana maklumat mengenainya tidak sampai atau tidak diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat berkenaan. Keadaan ini menyebabkan kesulitan bukan sahaja kepada pihak-pihak dalam Universiti tetapi juga kepada tetamu-tetamu dan peserta dari luar dan tentunya akan menjejaskan nama baik Universiti.

2. Bagi mengatasi keadaan ini langkah-langkah berikut perlu dipatuhi oleh semua pihak yang hendak mengadakan aktiviti atau majlis samada secara rasmi atau separa rasmi :

- 2.1 Semua aktiviti atau majlis hendaklah mendapat kelulusan Pengurusan Universiti atau Dekan Fakulti terlebih dahulu;
- 2.2 Penggunaan ruang yang terlibat dengan aktiviti atau majlis berkenaan seperti dewan, bilik kuliah, padang dan sebagainya hendaklah selepas disahkan oleh Unit Pembangunan dan Bahagian Akademik bagi mengelakkan pertembungan tempat dengan aktiviti-aktiviti Universiti yang lain.

muka surat 2

- 2.3 Maklumat mengenai aktiviti atau majlis berkenaan beserta senarai tetamu-tetamu yang akan hadir hendaklah dimaklumkan kepada Unit Keselamatan lebih awal supaya dapat disediakan tempat meletak kenderaan yang sesuai di samping mengecualikan mereka daripada mengambil pas pelawat.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**(SAYUTI BIN SAHLAN)**

Pendaftar

S.k. Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor  
Ketua Unit Keselamatan